

Suruhanjaya Jenayah Perang K. Lumpur ditubuh

KUALA LUMPUR 7 Feb. - Persidangan Antarabangsa 'Dedahkan Jenayah Peperangan - Jenayahkan Perang' hari ini sebulat suara menubuhkan Suruhanjaya Jenayah Perang Kuala Lumpur.

Suruhanjaya itu akan berfungsi sebagai badan yang akan meneliti dakwaan jenayah yang dilakukan oleh tiga pemimpin dunia iaitu Presiden Amerika Syarikat, George W. Bush, Perdana Menteri Britain, Tony Blair dan Perdana Menteri Australia, John Howard selepas menerima patisyen daripada mangsa perang.

Menurut Tun Dr. Mahathir Mohamad, sekiranya suruhanjaya mendapati terdapat kes prima facie atas dakwaan itu, pihaknya akan menyerahkan kepada pihak tribunal yang kini masih lagi di peringkat penajaan.

"Pihak tribunal kemudian akan meneliti segala dakwaan itu dan kemudian akan membuat keputusan sama ada ketiga-tiga pemimpin itu bersalah atau tidak. Walaupun tidak ada tindakan undang-undang yang akan dikenakan tetapi pandangan tribunal itu boleh mempengaruhi masyarakat dunia.

"Atas asas itu kita mahu penubuhan tribunal ini adalah sejajar dengan peruntukan undang-undang negara dan antara-

Um - 8/2/2007

bangsa. Kita mahu, pandangannya dihormati dan tidak dipertikaikan oleh mana-mana pihak," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis penutup Persidangan Antarabangsa 'Dedahkan Jenayah Peperangan - Jenayahkan Perang' di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), hari ini.

Terdahulu ketika majlis memperkenalkan ahli panel tribunal, pengerusi penajanya, Datuk Abdul Kadir Sulaiman mahu pelbagai pihak memberikan input supaya penubuhan tribunal tersebut tidak diperlekehkan.

Katanya, apa yang penting penubuhannya perlu mengikut lunas undang-undang sama ada di peringkat negara mahupun antarabangsa.

"Kita tidak mahu pandangan yang dikeluarkan oleh tribunal ini diperlecehkan. Walaupun kita tidak boleh membawa pihak yang didakwa mengadap kita untuk dibicarakan tetapi sekurang-kurangnya pandangan kita ini dihormati dan boleh menjadi precedent kepada kes-kes yang lain," ujarnya.

Dalam pada itu enam mangsa perang antaranya dari Iraq dan Lebanon telah menyerahkan patisyen kepada suruhanjaya untuk diteliti sebelum diserahkan kepada pihak tribunal.